

## **PERKHIDMATAN (ORANG AWAM)**

### **- PERKHIDMATAN RUJUKAN**

#### **■ PERKHIDMATAN RUJUKAN PENYELIDIKAN**

##### **Perkhidmatan Pertanyaan Rujukan Penyelidikan**

Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan permohonan atau pertanyaan yang dikemukakan kepada penasihat pembaca untuk mendapatkan bahan/maklumat yang berbentuk penyelidikan. Pertanyaan ini memerlukan pencarian yang lebih terperinci dari sumber-sumber seperti koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan koleksi institusi lain, internet serta pangkalan data dalam talian. Sekiranya memerlukan perkhidmatan ini sila klik [disini](#).

##### **Perkhidmatan Pertanyaan Rujukan Ringkas**

Merupakan permohonan atau pertanyaan yang dikemukakan untuk mendapatkan maklumat dari sumber sedia ada dalam koleksi PNM yang dapat dijawab dengan segera. Sekiranya memerlukan perkhidmatan ini sila klik [disini](#).

##### **Perkhidmatan Pakejan Maklumat**

Merupakan maklumat yang dikumpul dari pelbagai sumber seperti buku, majalah, surat khabar, internet, pangkalan data dan lain-lain berkenaan sesuatu tajuk atau bidang perkara sama ada dari koleksi PNM atau dari institusi lain dan dipakej untuk kegunaan pelanggan. Perkhidmatan ini terdapat di Aras 8, Menara PNM. Topik bagi pakejan maklumat adalah berdasarkan kepada permintaan rujukan yang diterima dari pengguna dan juga yang berkaitan dengan hal ehwal semasa. Tajuk-tajuk pakejan maklumat klik [disini](#).

Hubungi Kami:

Perkhidmatan Rujukan Penyelidikan  
Aras 8, Menara PNM  
Perpustakaan Negara Malaysia  
232 Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur

Tel : 03-2687 4242 / 1835

## **PERKHIDMATAN (ORANG AWAM)**

### **- PERKHIDMATAN RUJUKAN**

#### **■ PERKHIDMATAN RUJUKAN MALAYSIANA**

Pusat Rujukan Malaysiana merupakan satu bahagian di bawah Perkhidmatan Rujukan Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia. Pusat Rujukan Malaysiana telah diwujudkan untuk memberikan kemudahan serta memenuhi keperluan maklumat pengguna. Fokus utama bahagian ini adalah untuk menyediakan rujukan bahan Malaysiana yang diperlukan oleh pengguna.

Pusat Rujukan Malaysiana merupakan Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk menyimpan Koleksi Malaysiana PNM. Koleksi Malaysiana merangkumi sumber perpustakaan yang diterbitkan tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu bab atau 10% dari keseluruhan teks di dalam bahan tersebut adalah mengenai Malaysia dan/atau bangsa Malaysia, diterbitkan dalam/atau mengenai Bahasa Malaysia/Melayu; dan dihasilkan oleh warganegara Malaysia.

Koleksi Malaysiana ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengumpul semua maklumat mengenai Malaysia dan hasil penulisan penulis tempatan dan luar negara mengenai Malaysia dalam bentuk monograf bagi menyediakan keperluan rujukan maklumat mengenai Malaysia kepada orang ramai. Bahan- bahan yang terdapat dalam koleksi Rujukan Malaysiana termasuklah bahan monograf, serta terbitan bersiri. Selain daripada itu, Perkhidmatan Rujukan Malaysiana turut menyediakan bahan rujukan dalam bentuk mikrofilem.

Perkhidmatan Rujukan dan maklumat merupakan salah satu cabang utama perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Sebagai memenuhi salah satu cabang perkhidmatan utama PNM, Perkhidmatan Rujukan Malaysiana telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan maklumat pengguna

mengenai Malaysia. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada semua pengguna termasuklah penyelidik dari dalam dan luar negara.

Perkhidmatan Rujukan Malaysiana menyediakan perkhidmatan bermula dari Aras 6 sehingga Aras 9, Menara PNM, manakala Koleksi Khas ditempatkan di Aras 10, Menara PNM.

Objektif perkhidmatan maklumat ini ialah memastikan bahan atau maklumat yang diperlukan oleh pengguna dapat disediakan sebaik-baiknya melalui penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada semua pengguna perpustakaan. Bagi memantapkan perkhidmatan dan dalam usaha memenuhi keperluan maklumat pengguna ke tahap maksima, Pusat Rujukan Malaysiana juga menyediakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (Sistem Pembekalan SPP), Perkhidmatan Rujukan Penyelidikan dan Perkhidmatan Pakejan Maklumat turut disediakan di Aras 8, Menara PNM bagi memenuhi keperluan semasa pengguna.

## **LOKASI BAHAN**

<b>ARAS</b>	<b>BAHAN</b>
ARAS 6	Terbutan Bersiri Malaysiana, Surat Khabar dan Suratkhbar Mikrofilem
Aras 7	(Buku) Monograf Malaysiana
Aras 8	(Buku) Monograf Malaysiana, Rujukan Sekolah dan Pakejan Maklumat Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)
Aras 9	Warta dan Perundangan, Terbitan Kerajaan dan Laporan Tahunan
Aras 10	Koleksi Khas

## WAKTU PERKHIDMATAN

<b>Pusat Maklumat Malaysiana (Tingkat 6 - 9)</b>	
Selasa - Sabtu	: 10.00 pagi - 5.00 petang
Ahad, Isnin & Cuti Umum	: Tutup
<b>Koleksi Khas (Tingkat 10)</b>	
Selasa - Khamis	: 10.00 pagi - 5.00 petang
Jumaat	: 10.00 pagi - 12.15 tengahari 2.45 petang - 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	: Tutup
<b>Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) - (Tingkat 8)</b>	
Isnin- Jumaat	: 8.00 pagi - 4.30 petang